

05 OCT 1998

UMNO SABAH LUPAKAN EPISOD PEMECATAN ANWAR

KOTA KINABALU, 5 Okt (Bernama) -- Umno Sabah kini menumpukan perhatian kepada usaha mengukuhkan perpaduan anggota parti bagi menghadapi pilihan raya negeri yang akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam, hari ini.

Katanya Umno Sabah juga telah melupakan episod pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan daripada Umno hari berikutnya.

"Laporan yang kita terima ialah kes Anwar ini tidak lagi menjadi satu masalah bagi Umno Sabah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kesedaran Sains dan Teknologi di sini.

"Sebab itulah kita tidak cakap pasal Anwar lagi tetapi lebih kepada bagaimana Umno Sabah dapat membantu meyakinkan rakyat dan rakan-rakan komponen Barisan Nasional Sabah supaya kita menang dalam pilihan raya akan datang," kata beliau.

Mengenai kenyataan Menteri Penerangan dan bekas Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berhubung kesediaan beliau untuk mendedahkan nama bahagian-bahagian Umno yang didakwa dipergunakan untuk menjatuhkan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Osu berkata: "Kita terpaksa tunggulah (pendedahan beliau).

"Tetapi yang kita tahu di Sabah, kita tidak ada masalah seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

JS RI